


NewspaperSG

Dua pesilat negara tumbang di peringkat pertama

Berita Harian, 14 November 2011, Page 15

 Article also available on Microfilm Reel NL31697

Printer-Friendly Page

Dua pesilat negara tumbang di peringkat pertama

*Pengurus S'pura
persoal
keputusan pengadil*

SUKAN SEA 2011

Oleh ! 1 SAFHRAS KHAN safhras@sph.com.sg

MEREKA telah mencuba sedaya upaya bagi mendapatkan tempat di pusingan kedua pertandingan pencak silat Sukan SEA Ke-26 tetapi tersungkur pada peringkat pertama.

Kedua-dua mereka, Muhd Nurshahrin Shahrudin dan Nurindah Mursani, telah menunjukkan kebolehan mereka di tengah-tengah gelanggang tetapi tewas.

Nurshahrin tewas di tangan pesilat Malaysia, Ahmad Shahril Zailudin, dalam perlawanan Kategori D sementara Nurindah pula dikalahkan Tuti Trisnayanti dalam perlawanan Kategori B.

Ketika ditemui, Nurindah berkata beliau tidak puas hati dengan keputusan tersebut tetapi beliau menerimanya dengan hati yang reda.

“Saya macam nak teruskan perlawanan selepas ia ditamatkan. Saya mempunyai keyakinan tinggi dan telah memberikan yang terbaik,” katanya, yang tumbang 0-5 di tangan Tuti.

Walaupun Nurindah banyak mengasak dari mula, keputusan pengadil tidak memberinya mata walaupun tendangan dan tumbukannya tepat, sering menimbulkan tanda tanya.

Namun, Nurindah enggan berkata apa-apa mengenai keputusan pengadil tersebut.

Tetapi keputusan pengadil itu dikedah pengurus negara, Sheik Alauddin Yacoob, yang tidak puas hati dengan cara kedua-dua perlawanan itu dikendalikan pihak pengadil dan juri.

“Kalah menang memang adat perlawanan tetapi cara kami dikalahkan adalah tidak adil,” kata Sheik.

Sheik memberi contoh bagaimana pesilat Indonesia itu kerap menjatuhkan

dirinya dan apabila terlentang di gelanggang, membuat tendangan.

Menurut Sheik, pihak juri dan pengadil gagal memberi amaran kepada pesilat Indonesia itu.

Sheik juga menyoal keputusan juri dan pengadil dalam perlawanan yang melibatkan Nurshahrin.

“Beberapa kali Nurshahrin membuat tendangan dan tumbukan yang tepat tetapi gagal menerima apa-apa mata.

“Tetapi beliau masih muda dan masih mempunyai masa untuk terus membangun dalam sukan ini,” kata Sheik.

Nurshahrin, yang dijadualkan pulang ke Singapura pagi ini untuk menduduki peperiksaan GCE peringkat ‘O’ kertas sainsnya, mengakui beliau kurang menyerlah dalam dua pusingan pertama.


“Tetapi saya telah mencuba sedaya upaya pada pusingan ketiga tetapi jurangnya terlalu luas,” katanya, yang akan kembali ke Jakarta selepas tamat menduduki peperiksaannya.

Namun, terdapat segelintir harapan bagi pasukan silat negara kerana dua pesilat negara melangkah ke pusingan seterusnya dalam acara seni.

Muhd Iqbal Abdul Rahman dan Nurul Khairunisa Azlan akan bertanding di pusingan seterusnya yang bermula esok.



TEWAS: Nurindah Mursani (*kiri*) gagal menangkis tendangan Tuti Trisnayanti dari Indonesia, yang memenangi perlawanan Kelas B dengan mata 5-0.



TUMBANG: Muhd Nurshahrin Sharudin (*kiri*) dijatuhkan Ahmad Shahril Zailudin dari Malaysia dalam perlawanan Kelas D. – Foto-foto ZAINAL YAHYA

- Foto-foto ZAINAL YAHYA